

13 MAR 1999

LEAD Sabah-Pilihan Raya

KEJAYAAN BN DIBAYANGI KEKALAHAN DOMPOK

KOTA KINABALU, 13 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) kembali berkuasa di Sabah dengan majoriti hampir dua pertiga dalam pilihan raya negeri kesembilan yang baru tamat, tetapi kejayaan itu dilunturkan oleh kekalahan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan dua lagi Menteri BN.

BN memenangi sejumlah 31 kerusi - kesemua 24 calon Umno menang tetapi rakan Kadazandusun mereka daripada Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Akar kalah teruk dengan hanya memenangi dua daripada 17 kawasan pilihan raya yang ditandingi.

Bagaimanapun BN berjaya memenangi dua kawasan Kadazandusun iaitu Ranau dan Kuala Penyu dengan Datuk Siringan Gubat dan Datuk Wences Anggang, kedua-duanya daripada PDS, terselamat daripada 'politik balas dendam' terhadap bekas anggota-anggota Parti Bersatu Sabah (PBS) yang berpaling tadah.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup (PBRS) dan Menteri Kebudayaan, Alam Sekitar dan Pelancongan Datuk Wilfred Bumburing (PDS) masing-masing tewas di Bingkor dan Tamparuli. Kedua-dua orang berpaling tadah daripada PBS selepas pilihan raya negeri 1994.

Parti Maju Sabah (SAPP) yang mewakili masyarakat Cina memenangi tiga kerusi bagi BN - presiden parti Datuk Yong Teck Lee mengekalkan kerusi Likas, Datuk Tham Nyip Shen di Elopura dan Datuk Raymond Tan di Tanjung Papat.

Semua 48 calon Bersekutu tewas dengan kebanyakan mereka hilang wang pertaruhan.

Presidennya Datuk Harris Salleh sendiri ditewaskan oleh seorang lagi bekas Ketua Menteri Yong Teck Lee, di Likas, kawasan majoriti pengundi Islam.

Yong menang dengan majoriti agak besar iaitu 4,962-undi dengan jumlah undi yang diperolehinya sebanyak 9,110. Harris hanya mampu mendapat 3,576 undi.

PBS memenangi 17 kerusi iaitu Kadamaian, Tandek, Tamparuli, Pensiangan, Kiulu, Tambunan, Bingkor, Sembulan, Kundasang, Labuk, Inanam, Api Api, Sri Tanjung, Moyog, Melalap, Matunggong and Kuamut.

PBS telah meramalkan ia boleh menang di beberapa kawasan yang majoriti pengundinya beragama Islam tetapi ia hanya mampu menang di Kuamut, sebuah kawasan majoriti pengundi Islam dengan Naib Presiden PBS Haji Malek Chua mendapat 3,286 undi untuk menang dengan majoriti 509 undi.

Pairin dan Harris menyatakan kekecewaan mereka terhadap keputusan pilihan raya itu dengan berkata ini bukan jangkaan mereka.

Dompok mungkin lebih kecewa kerana kegagalannya mempertahankan kerusi Moyog bagi BN dan meneruskan tugasnya sebagai Ketua Menteri di bawah sistem penggiliran jawatan yang diperkenalkan untuk membolehkan tiga masyarakat utama di sini berkongsi kuasa.

Dompok yang sebelum ini yakin pengundi di Moyog telah menerima agenda BN untuk membawa pembangunan hanya memperolehi 6,482 undi berbanding 10,870 undi yang diperolehi oleh lawannya Datuk Clarence Bongkos Malakun dari PBS.

Parti PAS tewas di semua enam kawasan yang ditandinginya.

Keputusan itu menunjukkan pengundi Islam memberi respon positif kepada kempen pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta mereka menyokong Umno dan memastikan kejayaan bagi BN.

Pilihan raya itu berlangsung dengan lancar dan aman kecuali satu kejadian salah faham antara penyokong parti-parti bertanding di Kuala

Penyu.

Harris yang jelas kecewa berkata keputusan itu "ganjil" dan "mengejutkan" memandangkan rakyat mahukan perubahan dan menyokong Bersekutu.

Beliau juga mendakwa kemungkinan wujudnya elemen penipuan dalam pilihan raya kali ini dan akan membuat aduan polis mengenainya.

Pairin yang juga kecewa berkata, perjuangan PBS belum lagi tamat memandangkan pilihan raya Parlimen tidak lama lagi dan yakin ia akan diwakili di peringkat persekutuan.

"Rakyat memberi sokongan penuh kepada PBS dan menolak bekas anggota-anggota yang telah melompat ke BN," kata Pairin mengenai 14 calon Kadazandusun BN yang tewas.

-- BERNAMA

EL PR